

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik jumlah kemalangan maut yang berlaku sepanjang Ops Selamat dijalankan dan sejauh manakah ia mampu mengurangkan kadar kemalangan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Kementerian Pengangkutan telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina dan perayaan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kebangsaan. Pelaksanaan Ops bersepadu dan kempen ini melibatkan pelbagai kementerian, jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga pihak swasta.

2. Objektif utama pelaksanaan kedua-dua program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mematuhi peraturan-peraturan jalan raya seterusnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di musim perayaan.

3. Jumlah kes kemalangan pada musim perayaan Tahun Baru Cina 2019 melalui Ops Selamat adalah sebanyak 20,829 berbanding dengan Ops Selamat pada Tahun Baru Cina 2018 seramai 21,041 kes.

4. Statistik menunjukkan terdapat sedikit penurunan kejadian kemalangan maut pada Ops Selamat 2019 berbanding 2018 iaitu dari 208 kes kepada 197 kes dengan kadar penurunan sebanyak 11 kes iaitu bersamaan 5.3%.

5. Bilangan nyawa yang terkorban pada sepanjang Ops Selamat Tahun Baru Cina 2019 adalah sebanyak 216 orang. Walaupun angka ini menurun berbanding 226 kematian dalam tempoh ops yang sama pada tahun 2018, ia masih menggambarkan keadaan keselamatan jalan raya yang kurang memuaskan. Kementerian Pengangkutan akan terus mengambil langkah yang sepatutnya dan bekerjasama dengan agensi-agensi dan kementerian-kementerian lain termasuk Lembaga Lebuhraya Malaysia, PDRM, Kementerian Kesihatan dan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya untuk mencari formula terbaik dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya.

6. Berdasarkan statistik jumlah kemalangan maut dan jumlah kematian akibat jalan raya semasa OPS Selamat Perayaan Aidilfitri pada tahun 2017 dan 2018, ia telah menunjukkan penurunan kes kemalangan maut sebanyak 4 kes dan penurunan jumlah kematian sebanyak 9 kes.

7. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya juga giat menjalankan advokasi keselamatan jalan raya yang melibatkan syarikat–syarikat swasta bersama–sama jabatan kerajaan yang lain untuk melaksanakan program-program untuk manfaat pengguna jalan raya sepanjang OPS Selamat dijalankan. Antara jabatan kerajaan dan syarikat–syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- ii. Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ);
- iii. Jabatan Kerja Raya (JKR);
- iv. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS);
- v. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kecemasan dan Trauma;
- vi. Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM);
- vii. Angkatan Pertahanan Awam;
- viii. PETRONAS Dagangan Berhad (PETRONAS);
- ix. PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM);
- x. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- xi. Shell Malaysia (SHELL);
- xii. Petron Malaysia (PETRON); dan
- xiii. PLUS Malaysia Berhad (PLUS);

8. Data statistik perbandingan jumlah kemalangan, kemalangan maut dan kematian bagi operasi Ops Selamat Tahun Baru Cina yang telah dijalankan pada tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di bawah.

PERKARA	OPS SELAMAT 12/2018	OPS SELAMAT 14/2019	PERBANDINGAN	
			%	BEZA
Jumlah Kemalangan	21,04 1	20,829	-1	-212
Jumlah Kemalangan Maut	208	197	5.3	-11
Jumlah Kematian	226	216	4.4	-10

(Sumber: JSPT Bukit Aman, PDRM)

9. Data statistik perbandingan jumlah kemalangan, kemalangan maut dan kematian bagi operasi Ops Selamat Perayaan Aidilfitri yang telah dijalankan pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti di bawah.

PERKARA	OPS SELAMAT 11/2017	OPS SELAMAT 13/2018	PERBANDINGAN	
			%	BEZA
Jumlah Kemalangan	22,402	22,411	0.04	9
Jumlah Kemalangan Maut	239	235	-1.7	-4
Jumlah Kematian	257	248	-3.5	-9

(Sumber: JSPT Bukit Aman, PDRM)